



MENCUBA  
hos pemadam  
api ketika  
berkursus di  
Jepun.

# Khairudin ikut gerak hati

Selamatkan budak dengan petunjuk orang bisu

## Info

- **Isteri**
  - Sorryta Asgar Khan
- **Anak-anak**
  - (4 perempuan dan seorang lelaki)
  - Norliana
  - Norfarahin
  - Nor Iqmal
  - Norsyafiqah
  - Norshahirah
- **Menarik tentang kerjaya**
  - Menjadi Ketua Balai Bomba dan Penyelamat pada usia 24 tahun.
  - Enam kali dinaikkan pangkat dalam tempoh 24 tahun. Purata naik satu gred pada setiap empat tahun.
  - Memiliki Sarjana Sains (Emergency Response Planning) daripada UPM tanpa perlu mengambil Ijazah Sarjana Muda. Beliau memiliki Diploma Pengajian Insurans, Universiti Teknologi Mara.
- **Pingat dan anugerah**
  - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (1994, 1998, 2000, 2005 & 2013).
  - Pingat Perkhidmatan Bakti (2005).
  - Kesatria Mangku Negara (2011).
- **Pengalaman kerja**
  - (1989-1996) - Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sibu, Sarawak.
  - (1996-1999) - Ketua Zon Bomba dan Penyelamat Wilayah Tengah, Sibu, Sarawak.
  - (2000-2003) - Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu.
  - (2003-2008) - Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Latihan Dan Perancangan Tenaga Manusia Bomba dan Penyelamat, Putrajaya.
  - (2008-2011) - Pengarah Bomba dan Penyelamat Sabah.
  - (2011-kini) - Pengarah Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Oleh AZRAI MOHAMAD  
Gambar MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

**B**UNYI bingit siren bomba menarik perhatian Khirudin Drahman yang dalam perjalanan ke pejabatnya di Balai Bomba dan Penyelamat Sibu, Sarawak pagi itu.

Walaupun perlu menghadiri mesyuarat namun sebagai Ketua Zon Bomba di daerah itu, hati beliau tetap terpanggil untuk ‘mengkor’ anak-anak buahnya menjalani tugas.

Bukan tidak yakin dengan anak-anak buahnya, namun jiwa ‘bomba’ beliau yang ‘memaksa’ Khirudin berbuat begitu.

Setibanya di lokasi kejadian di Jalan Tong Sang, Sibu, beliau melihat api sedang marak memusnahkan sebuah rumah teres.

Perasaan beliau cemas sambil matanya tajam melihat pasukan bomba bertungkus-lumus mengawal kebakaran daripada merebak ke kawasan lain.

Namun hatinya sedikit lega setelah diberitahu oleh anggota yang bertugas bahawa tiada mangsa di dalam rumah yang ditinggalkan pemiliknya itu.

Beginipun perasaan Khirudin kembali gusar apabila terpandang seorang pemuda bisu yang merupakan jiran mangsa seolah-olah mahu memberitahu sesuatu dalam

bahasa isyarat yang sukar difahami.

Gerak hati beliau percaya pemuda bisu itu memberitahu bahawa masih terdapat mangsa di dalam rumah tersebut.

Tanpa ber lengah, Khirudin terus mengarahkan anak-anak buahnya membuat laluan masuk kerana beliau sendiri mahu merempuh ke dalam rumah yang diselubungi asap tebal itu dengan menggunakan topeng serta baju kalis api.

Tindakan berani Khirudin tepat pada masanya, ketika berada di dalam rumah itu dan menjenguk ke arah sebuah bilik, beliau terpandang seorang kanak-kanak Cina berusia sembilan tahun berada di bawah timbunan tilam.

“Saya terus berlari ke arah kanak-kanak

itu, mengangkat dia yang pengsan keluar dari rumah itu. Sebaik sahaja keluar dari rumah itu saya terus letak kanak-kanak itu di dalam Land Cruiser saya dan bawa dia ke hospital.

“Alhamdulillah dia dapat diselamatkan dan hanya mengalami kecederaan ringan,” luah Khiruddin yang kini memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ketika menceritakan peristiwa cemas beliau 15 tahun lalu.

Menurut beliau, pengalaman seperti itu bukan sahaja menjadi kenangan manis bagi beliau, namun harus dikongsikan untuk dijadikan pengajaran bersama anggota bomba dan masyarakat.





KHIRUDIN bersama isteri beliau.



KHIRUDIN Drahman di pejabatnya.



MENERIMA pingat daripada Sultan Mizan Zainal Abidin.

## Malu jadi anggota bomba

BERCERITA mengenai mula-mula penglibatan dalam kerjaya bomba, KHIRUDIN berkata, beliau memang meminimati pasukan beruniform sejak dari bangku sekolah.

"Selepas tamat pengajian diploma, saya memohon pasukan uniform iaitu polis dan tentera. Saya tidak diterima untuk menjalani latihan polis."

"Namun permohonan menyertai tentera berjaya bagaimanapun ibu saya pula tidak benarkan saya menyertai tentera," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Khirudin tidak mudah putus asa, beliau terus memohon menyertai badan uniform dan kali ini pasukan bomba pula menjadi pilihannya.

"Sebelum itu, saya sempat bekerja selama setahun secara kontrak dengan Jabatan Kerja Raya sebagai penjaga akaun.

"Akhirnya saya ditawarkan untuk mengikuti latihan Kadet Penolong Pengguna Bomba di Pusat Latihan Bomba di Kuala Kubu selama sembilan bulan. Alhamdulillah di akhir kursus tersebut saya dipilih menjadi kadet terbaik keseluruhan," ujarnya yang mempunyai Sarjana Sains (Emergency Response Planning) dari Universiti Putra Malaysia.

Selepas tamat latihan, pada usia 24 tahun beliau ditugaskan sebagai Ketua Balai Bomba dan Penyelamat di Sibu, Sarawak dan banyak belajar dari 'orang lama' mengenai perihal kebombaan.

Katanya, kini setelah 24 tahun bersama bomba beliau melihat banyak perubahan berlaku dalam pasukan itu khususnya penekanan terhadap pendidikan anggota serta peralatan yang canggih.

"Terus terang saya katakan, semasa mula-mula menyertai bomba dulu, saya malu untuk mengaku sebagai anggota bomba disebabkan masyarakat sering memandang rendah pasukan ini.

"Namun kini dengan kebolehan, kecekapan serta

peralatan canggih bomba, masyarakat semakin yakin dan menerima bomba," ujar bapa kepada lima orang anak ini.

Jelas beliau, sebagai ketua dalam pasukan, beliau sentiasa menasihati anak-anak buahnya agar tidak mempunyai sikap cepat berasa puas dengan pencapaian.

"Sifat rasa cukup atau cepat mengalah perlu dielakkan. Apa yang perlu ialah sentiasa belajar, bertanya dan memperkasakan pengalaman."

"Di samping itu sikap suka berkongsi ilmu, menjaga masa dan proaktif dalam menjalankan tugas perlu dijadikan kerjaya," ujarnya yang mempunyai hobi membaca buku-buku ilmiah serta berbasikal.

Katanya, anggota bomba tidak seharusnya mengabaikan peluang yang datang misalnya diberi peluang berkursus di luar negara kerana ia mungkin diperolehi.

Di samping itu, beliau amat bertuah kerana mempunyai isteri dan anak-anak serta ketua jabatan yang sentiasa menyokong dan memahami kerjaya beliau.

"Banyak kualiti masa bersama keluarga terpaksa dikorbankan untuk jabatan, tetapi itulah antara ramuan kejayaan saya selama ini."

"Tidak lupa juga bekas Ketua Pengarah saya iaitu Datuk Soh Chai Hock, Datuk Jaafar Sidek, Datuk Hamzah Abu Bakar serta Ketua Pengarah ketika ini Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim yang banyak memotivasi diri saya dalam kerjaya ini," ujarnya yang telah banyak mengikuti kursus kebombaan di Eropah dan Jepun.

Mengakhiri perbualan hari itu, KHIRUDIN sempat berkongsi kata-kata yang sering dijadikan motivasi dalam kerjaya dan kehidupannya iaitu dipetik daripada buku *The Art of War* tulisan Sze Tsu.



BERSAMA rakan-rakan ketika mengikut kursus di luar negara.

